

26 gerai singgang akhirnya dirobohkan

KUALA LUMPUR – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) merobohkan deretan gerai singgang di Jalan Dewan Sultan Sulaiman 1, Kampung Baru di sini semalam.

Kerja-kerja tersebut bermula pukul 9 pagi (semalam) membabitkan 26 buah gerai makanan di laluan tersebut.

Difahamkan, seramai 26 penjaja gerai singgang itu akan berniaga di lokasi baharu iaitu Medan Selera Singgang Madani@Batu Bata, Titiwangsa.

Terdahulu, DBKL menerusi kenyataannya memaklumkan, kerja meroboh deretan gerai di lokasi asal akan dilaksanakan dan pihaknya sudah mengeluarkan notis pemakluman pengosongan tapak itu sejak Oktober tahun lepas.

Menurutnya, notis itu menghendaki setiap penjaja mengosongkan tapak selewat-lewatnya 31 Disember tahun lalu dan notis peringatan pula dikeluarkan pada awal Januari tahun ini.



KERJA-KERJA merobohkan gerai singgang di Jalan Dewan Sultan Sulaiman 1, Kampung Baru dilakukan bermula pukul 9 pagi semalam.